



# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)

ARAS 7, BLOK E1, KOMPLEKS E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-8883 3888/1034  
Fax : 03-8883 1105  
Email : [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)

Ruj. Kami : KKM.600-25/32/3 Jld.8 (12)  
Tarikh : 16 Mac 2020

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri.....

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

## LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN YANG PERLU DIAMBIL DAN KAWALAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) /INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) YANG MEJALANI LATIHAN KLINIKAL DI FISILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI MENGEKANG PENULARAN JANGKITAN PENYAKIT PENYAKIT COVID-19

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Susulan Mesyuarat CPRC pada 13 Mac 2020 yang dipengerusikan oleh Y.Bhg.Datuk Ketua Pengarah Kesihatan dan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 13 Mac 2020, Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan hendaklah mengambil inisiatif untuk memastikan pelajar-pelajar pelbagai program di IPTA/ IPTS yang sedang menjalani latihan klinikal dapat meneruskan latihan mereka dengan mengikut langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh KKM dari masa ke semasa bagi membendung penularan jangkitan COVID-19. Langkah-langkah tersebut adalah seperti di lampiran A.


3. Sukacita dapat pihak Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan kepada semua fasiliti di bawah JKN masing-masing termasuklah hospital, pejabat kesihatan daerah, klinik kesihatan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR HJ ROHAIZAT BIN HJ YON (MMC NO 26029))  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : MY-QMS 01897

- s.k      Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian  
Program Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Program Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Amalan Perubatan  
Bahagian Amalan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah  
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Pengarah Kejururawatan  
Bahagian Kejururawatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## LAMPIRAN A

### **LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN YANG PERLU DIAMBIL DAN KAWALAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM/INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA YANG MEJALANI LATIHAN KLINIKAL DI FISILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI MENGEKANG PENULARAN JANGKITAN PENYAKIT PENYAKIT CIVID-19**

**Berikut adalah tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak IPT iaitu:-**

- i. Sekiranya terdapat pelajar yang baru pulang dari luar negara, terutamanya dari wilayah-wilayah atau bandar-bandar yang diisyiharkan sebagai kawasan wabak COVID-19 yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa, dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari negara yang terlibat, maka mereka tidak boleh dibenarkan menjalani latihan klinikal dan sebaliknya perlu dirujuk ke hospital untuk menjalani saringan dan pemeriksaan lanjut serta menjalani tempoh isolasi;
- ii. Sekiranya terdapat pelajar yang terdedah dengan kes positif COVID -19 (contact of confirmed case) dalam tempoh 2 minggu, maka mereka perlu dirujuk ke hospital bagi menjalani saringan dan pemeriksaan serta diarahkan untuk menjalani isolasi di kediaman masing-masing (self-Quarantine);
- iii. Menjalankan saringan deman dalam kalangan pelajar dan tidak membenarkan mana-mana pelajar yang dikesan mempunyai demam mahupun gejala jangkitan saluran pernafasan (seperti sakit tekak, batuk, selsema) untuk menghadiri latihan klinikal disamping menasihatkan mereka untuk mendapatkan rawatan lanjut;
- iv. Menyediakan cecair pencuci tangan (hand sanitizer) dalam kuantiti yang mencukupi untuk kegunaan pelajar.

**Berikut pula adalah tindakan yang perlu diambil oleh pelajar IPT yang menjalani latihan klinikal iaitu:-**

- i. Jika bergejala jangkitan saluran pernafasan (seperti sakit tekak, batuk, selsema), berehat di rumah bagi mengelakkan jangkitan kepada orang lain dan elakkan diri menjalani latihan klinikal di samping turut mendapatkan rawatan bagi gejala yang dialami;
- ii. Mengamalkan etika batuk iaitu menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan serta merta;
- iii. Sentiasa menjaga kebersihan, khususnya cuci tangan dengan betul dan lebih kerap iaitu dengan menggunakan air dan sabun sekurang-kurangnya untuk tempoh selama 20 saat ataupun menggunakan hand sanitizer;
- iv. Sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung serta bahan pencuci tangan (hand sanitizer) untuk digunakan apabila perlu;

- v. Elakan bersalaman atau bersentuhan sebaliknya letakkan tangan kanan di dada sebelah kiri sebagai tanda hormat dengan ucapan salam bagi mengantikan bersalaman dan bersentuhan.

**Berikut pula adalah tindakan yang perlu diambil oleh pihak fasiliti KKM yang berkaitan:-**

- i. Boleh membenarkan pelajar-pelajar yang sedang menjalani latihan klinikal dan sedang menghadapi peperiksaan meneruskan latihan mereka;
- ii. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan untuk melihat atau merawat atau berada di wad-wad yang ada pesakit-pesakit Covid19 dan tidak dibenarkan berada di kawasan saringan kes-kes covid19;
- iii. Di Jabatan Kecemasan dan Jabatan Pesakit Luar, pelajar-pelajar senior boleh menjalani latihan klinikal, elakkan pelajar-pelajar junior ditempatkan di jabatan tersebut.